

Tarikh dibaca: 05 Jun 2020M / 13 Syawwal 1441H



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“HIKMAH DAN PENGAJARAN
DISEBALIK COVID-19”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“HIKMAH DAN PENGAJARAN DISEBALIK COVID-19”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَنْبَلُونَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصِ مِّنَ
الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمْرَاتِ^١ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita berjaya di dunia dan akhirat.

Mimbar jumaat hari ini ingin mengajak para jemaah sekalian, untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“HIKMAH DAN PENGAJARAN DISEBALIK COVID-19”**.

¹ Al-Baqarah : 155.



Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kedatangan tahun 2020 ini kita diuji dan digemparkan dengan penularan wabak covid-19 diseluruh dunia. Kini wabak tersebut telah mengorbankan lebih 100 orang rakyat Malaysia dan ratusan ribu manusia di seluruh dunia dalam tempoh yang singkat. Ekoran daripada itu, ia telah menimbulkan ketakutan dan merencatkan perkembangan ekonomi dalam kalangan penduduk dunia. Sesungguhnya kita yakin bahawa wabak ini adalah sebahagian daripada ujian Allah kepada umat manusia di abad ini. Benarlah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 155 yang dibaca di awal khutbah ini yang bermaksud:

“Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kita sebagai orang yang beriman kepada Allah SWT yang Maha Perkasa lagi Bijaksana, sudah pasti meyakini bahawa di sebalik ujian wabak yang sedang kita hadapi ini sememangnya terdapat banyak hikmah dan pengajaran yang berharga yang perlu kita hayati.

Antaranya ialah, wabak ini mengajar kita bahawa kehendak dan kekuasaan Allah SWT mengatasi kehendak dan kekuasaan manusia. Segala kepintaran akal dan kecanggihan teknologi ciptaan manusia masih belum menemui penawar bagi menghadapi virus yang sekecil itu. Segala urusan dan segenap aktiviti manusia telah tergendala. Semua manusia terpaksa akur dan berserah kepada kehendak dan kekuasaan Allah SWT Pencipta sekalian alam.



Covid-19 juga mengajar kita supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dan berdisiplin dalam kehidupan. Untuk memastikan kita terselamat dari dijangkiti virus ini, kita diminta supaya mencuci tangan dengan kerap bahkan sentiasa membersihkan badan. Kita juga perlu menjaga jarak dan tidak batuk atau bersin ke arah orang lain. Kita diarahkan beratur ketika berurusan dengan pihak lain. Semua arahan dan peraturan ini perlu dipatuhi bagi memutuskan rantaian jangkitan virus ini, sekaligus mendidik kita tentang peri pentingnya kebersihan dan disiplin diri dalam kehidupan harian.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Antara hikmah lainnya, ia mengajar kita supaya lebih bersyukur dan bersabar dalam kehidupan. Sebelum wabak ini melanda negara kita, ada dalam kalangan kita yang tidak pernah merasai keperitan kemiskinan, terhadap pergerakannya, sukarnya mendidik pelajar dan seumpamanya. Sekarang kita semua terpaksa menghadapi kelembapan ekonomi, tidak dapat bergerak bebas dan terpaksa mendidik dan mengawal sendiri kenakalan anak-anak. Hal ini akan membawa kita merasa lebih bersyukur atas nikmat kurniaan dan bersabar terhadap ketetapan Allah.

Kesan daripada wabak ini, semua ahli keluarga terpaksa berada di rumah, tidak dibenarkan keluar kemana-mana. Dalam tempoh ini hubungan ahli keluarga didapati bertambah erat. Anak-anak mendapat perhatian dan bergaul dengan dengan ibu bapa dalam masa yang lebih lama. Salah faham dalam kalangan suami isteri berkurangan, bahkan ada yang hampir-hampir hendak bercerai bertaut kukuh semula. Demikianlah antara hikmah dan pengajaran yang dapat kita ambil dari wabak covid-19 ini.

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita memberi perhatian kepada perkara berikut:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa segala penyakit adalah datang daripada Allah SWT dan kepada-Nyalah kita mohon kesembuhan.
2. Umat Islam hendaklan mengambil pengajaran daripada wabak Covid-19 ini bagi meneruskan hidup dengan normal baru yang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa merasai bahawa kehidupan ini adalah satu ujian daripada Allah SWT untuk melihat siapakah hamba-hambanya yang bersyukur dan bersabar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْغَفُورُ ﴿٢﴾

“Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”

(al-Mulk : 2).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ،
سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، ابن
المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَغُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا
عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.
